



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN - BISNES			
TARIKH	:	7/6/2021	MUKA SURAT	:	48
JABATAN	:	TNB			

TNB terus majukan teknologi grid pintar

Rancang labur RM9 bilion setahun untuk Grid Masa Depan bertaraf dunia

KUALA LUMPUR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus memberi keutamaan untuk melabur dalam memodenkan Grid Nasional menjadi Grid Masa Depan iaitu grid pintar yang masih kekal berdaya harap, mudah pulih daripada gangguan, pintar dengan teknologi digital dan fleksibel dalam memenuhi keperluan peralihan tenaga negara.

Sejajar dengan matlamat peralihan tenaga daripada menggunakan bahan bakar kepada tenaga boleh baharu (RE) sebanyak 31 peratus menjelang 2025, Grid Nasional perlu dipersiapkan untuk menerima suntikan RE agar berupaya me-

nyokong aliran tenaga dua arah yang dinamik dan pada masa sama mengekalkan kestabilan voltan.

Justeru, di bawah kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR), TNB merancang untuk melabur RM9 bilion setahun dalam tempoh 2021 hingga 2024 (tertakluk kepada kelulusan kerajaan).

Ia bagi meneruskan usahanya membangunkan Grid Masa Depan menjadi pemboleh utama peralihan tenaga dengan menghubungkan seluruh Rangkaian Nilai daripada penjana kepada penghantaran dan pembahagian hingga ke premis pelanggan.

Pengguna sebenarnya sudah mula menikmati Grid Masa Depan sejak beberapa tahun kebelakangan ini menerusi pelaburan modal TNB, juga di bawah IBR.

Antaranya Automasi Pembahagian (DA), penggunaan Sistem Maklumat Geospasial (GIS) dan



HUSAINI HUSIN

Infrastruktur Peme-teran Lanjutan dengan sistem grid yang berdaya tahan serta dilengkapi dengan keselamatan siber. Semua ciri ini diguna pakai oleh utiliti tenaga global.

Inisiatif ini telah bermula dengan program transformasi

TNB, Reimagining TNB (RT) sejak 2016. Penyediaan Grid Masa Depan merupakan salah satu daripada empat tonggak utama RT bagi mencapai sasaran TNB sebagai antara 10 utiliti ternama di dunia menjelang 2025.

Begitupun, menurut Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin, TNB perlu terus melabur supaya grid lebih konsisten dan fleksibel untuk menerima sumber lain, khususnya RE seperti solar yang semakin berkembang dengan ramai pengguna menjadi prosumer.



TNB mencatatkan penurunan gangguan akibat voltan tinggi kepada 0.08 minit pada 2020 untuk 12 tahun berturut-turut di bawah paras dua minit.

Pada masa ini, bekalan elektrik negara sudah bertaraf dunia, malah lebih baik berbanding sebahagian negara maju termasuk di Eropah.

Dalam Sistem Minit Penghantaran yang mengukur minit gangguan akibat voltan tinggi setiap tahun, TNB mencatatkan penurunan kepada 0.08 minit

pada 2020 bagi 12 tahun berturut-turut di bawah paras dua minit, iaitu pencapaian yang unggul di dunia.

Sebagai perbandingan, Eskom Afrika Selatan mencatat 3.16 minit (2019), TransGrid Australia 0.25 minit (2019) dan FinGrid 0.15 minit (2020).

- *Bernama*